



DR Abd Rahman (tengah) melihat kayu balak ketika melawat kawasan Hutan Simpan Lépar.

Tegas bendung balak haram

■ JPSM tambah penguat kuasa setiap tahun

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my
Kuantan

U saha membendung aktiviti pencerobohan dan membawa keluar hasil hutan tanpa lesen sentiasa menjadi tumpuan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dengan menambah jumlah anggota penguat kuasa di setiap negeri.

Ketua JPSM Datuk Prof Dr Abd Rahman Abd Rahim berkata, setiap tahun jumlah anggota penguat kuasa di peringkat negeri dan daerah ditambah bagi memastikan kegiatan yang menyalahi undang-undang tidak terus berlaku.

Menurutnya, terbukti usaha dilakukan itu menemui kejayaan membanggakan apabila jumlah kes membabitkan pencerobohan dan membawa keluar hasil hutan di negara ini terus menurun berbanding sebelum ini.

Katanya, sebelum ini ke-

“Kecelakaan anggota menghidu pelbagai helah digunakan kumpulan yang terbabit menjurus kepada kejayaan”

Dr Abd Rahman Abd Rahim

giatan membawa keluar hasil hutan tanpa lesen seperti balak, banyak berlaku terutama membabitkan beberapa negeri yang masih mempunyai kawasan hutan simpan yang luas.

“Saya berharap dengan bertambahnya anggota penguat kuasa di peringkat daerah dan negeri, misi JPSM untuk memastikan kegiatan membawa keluar hasil hutan tanpa lesen di negara ini lumpuh sepenuhnya satu hari nanti akan menjadi kenyataan.

“Kecelakaan anggota penguat kuasa menghidu pelbagai helah digunakan in-

dividu kumpulan yang terbabit dengan kegiatan berkenaan juga menjurus kepada kejayaan menyekat aktiviti berkaitan,” katanya.

Beliau berkata demikian sempena lawatan kerja ke kawasan projek ujian pelaksanaan sistem Radio Frequency Identification (RFID) dalam pengurusan hutan peringkat negeri di kawasan hutan simpan Lépar, di sini, kelmarin.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Datuk Mohd Paiz Kamaruzaman.

Dr Abd Rahman berkata, kemudahan seperti kenderaan pacuan empat roda dan alat perhubungan berkuasa tinggi mampu melancarkan lagi usaha menyekat kegiatan pencerobohan dan membawa keluar hasil hutan.

Mengenai penggunaan RFID, beliau berkata, walaupun ada beberapa kelemahan, ia diharap dapat diatasi secara berperingkat apabila digunakan sepenuhnya nanti.